



KOPERASI PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN BERHAD

13 JALAN MURAI 2, BATU KOMPLEKS, OFF JALAN IPOH

51100 KUALA LUMPUR

Tel: 03 6258 4572 Fax: 03 6258 4560

SKIM TAKAFUL KELUARGA BERKELOMPOK TABARRU'

PENGENALAN

Skim Takaful Keluarga Berkelompok Tabarru' adalah antara skim Takaful yang disediakan oleh Etiqa Takaful Berhad di bawah Perniagaan Takaful Keluarga. Skim ini disusun dengan tujuan untuk menyediakan manfaat takaful dalam bentuk bantuan kewangan jika ditakdirkan anggota yang diperlindungi meninggal dunia.

TUJUAN SKIM TAKAFUL KELUARGA BERKELOMPOK TABARRU'

Skim Takaful Keluarga Berkelompok Tabarru' adalah bertujuan untuk

- (i) Mewujudkan perlindungan takaful bersama secara beramai-ramai dengan menyediakan bantuan kewangan dalam bentuk manfaat kewangan kepada anggota KPPK Bhd.
- (ii) Mewujudkan semangat saling jamin-menjamin, pelihara-pemelihara dan kerjasama sesama Peserta Takaful sesuai dengan bayaran sumbangan Takaful yang dibuat sebagai tabarru' (derma) bagi tujuan di atas.

Skim Takaful Keluarga Berkelompok Tabarru' ini dapat digunakan oleh Koperasi sebagai suatu cara bagi memastikan supaya kepentingan dan kebajikan anggota-anggotanya dapat dijaga dengan sempurna. Jika mana-mana anggota meninggal dunia maka bantuan kewangan kepada waris-waris mereka boleh dibayar daripada pelan ini. Ini dapat membantu meringankan beban kewangan yang mungkin dihadapi terutamanya apabila berlaku kematian ketua keluarga.

SKOP PERLINDUNGAN

Skop perlindungan Skim Takaful Keluarga Berkelompok Tabarru', mulai **1 April 2010** adalah seperti di bawah.

	Pilihan	Kematian	Keilatan Kekal Menyeluruh	Khairat Kematian	Sumbangan TAHUNAN
Kategori (i)	1	3,000	500	1,000	RM 20
	2	6,000	1,500	1,000	RM 40
	3	10,000	2,000	1,000	RM 60
	4	14,000	3,000	1,000	RM 80
	5	18,000	3,500	1,000	RM 100
Kategori (ii)	Umur 66-80 tahun	2,000	-	1,000	RM 190

SYARAT PENYERTAAN SKIM INI

- (a) Terbuka kepada semua anggota yang berumur antara 18 hingga 80 tahun (umur harijadi akan datang).
- (b) Rujuk **SKOP PERLINDUNGAN** dan pilih salah satu daripada Kategori (i) [Umur 18-65 tahun] atau Kategori (ii) [Umur 66-80 tahun] dan isikan Borang Permohonan seperti yang dilampirkan.

- (c) Sumbangan premium akan ditolak dari dividen atau yuran anggota koperasi **SETIAP TAHUN**.
- (d) Anggota-anggota koperasi yang diperlindungi di bawah pelan ini tidak perlu mengisi Borang Perakuan Kesihatan atau menjalani pemeriksaan perubatan. Pada tarikh mula kuatkuasa perlindungan, anggota berkenaan hendaklah aktif bekerja atau bercuti biasa (cuti yang tidak berkaitan dengan kesihatan diri atau kecederaan tubuh badan)

Skim ini memberikan perlindungan takaful 24 jam termasuk di dalam atau di luar waktu bekerja dan di mana-mana tempat seluruh dunia.

TEMPOH TAKAFUL

Apabila ETIQA TAKAFUL BERHAD menerima bayaran Sumbangan Takaful yang secukupnya maka Skim Takaful Keluarga Berkelompok Tabarru' ini akan berjalan dan berkuatkuasa sepenuhnya. Tempoh perlindungan ini adalah untuk jangkamasa **setahun**. Pada akhir tempoh ini, skim ini boleh diperbaharui untuk tahun berikutnya dengan syarat tiada tuntutan keilatan.

SIJIL TAKAFUL

Sijil Skim Takaful Keluarga Berkelompok Tabarru' akan dikeluarkan atas nama KPPK Bhd. sebagai peserta takaful. Sijil Takaful ini mengandungi syarat-syarat dan peraturan-peraturan mengenai perjanjian takaful di antara KPPK Bhd. dengan ETIQA TAKAFUL BERHAD berkaitan dengan hak-hak penguatkuasaan Skim Takaful Berkelompok ini.

TUNTUTAN

Segala tuntutan mesti diberi notis secara bertulis dengan seberapa segera atau selewat-lewat dalam masa tempoh **30 hari** selepas berlakunya kejadian berkenaan.

Dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut :-

- (i) Borang tuntutan yang lengkap diisi
- (ii) Sijil Kematian atau Permit Menguburkan
- (iii) Salinan Kad Pengenalan Si Mati (jika ada)
- (iv) Laporan polis, (jika berkaitan)
- (v) Lain-lain dokumen jika diminta oleh ETIQA TAKAFUL BERHAD

Bayaran manfaat takaful akan dibayar kepada waris/waris-waris yang dinamakan oleh anggota (simati).

